

Jumaat
6 Ogos 2010
25 Syaaban 1431

DITERBIT SEJAK 1957

BERITA HARIAN

www.bharian.com.my

Harga Semenanjung: RM1.50 | Sabah/Sarawak: RM2.00 | Brunei Darussalam: B\$2.00 PP414/10/2010(025591)

bhnews@bharian.com.my Tel: 03-22822323 Faks: 03-22822425

DI DALAM



Qari Mesir, qariah Pakistan johan tilawah

>> Nasional 6

Saman ekor polis trafik dikaji semula

>> Nasional 11

Orang kanan sindiket cepat kaya ditahan

>> Nasional 12



45 maut rusuhan di Karachi

>> Dunia 33

Misteri Etnik



Makanan tradisional popular 'Kelamai' atau 'Gelamai' dianggap lemak orang Rawa (Rao) menggunakan ramuan berbeza dengan lemak tetapi teknik memasaknya adalah sama. Dimasak menggunakan buluh kelamai atau buluh Hawa yang jauh lebih besar daripada buluh lemak dengan mengopek kulitnya dan kelebihannya ialah boleh disimpan lama sehingga beberapa bulan.

Ikuti siri laporan ini dalam Berita Minggu



Royal Pahang Billfish International Challenge (RPBIC) 2010 Gegar Rompin, Pahang



KUALA ROMPIN: Pertandingan memancing ikan layar dan marlin bertaraf antarabangsa - Royal Pahang Billfish International Challenge (RPBIC) 2010, di perairan Rompin, Pahang pada 7 hingga 8 Ogos ini terus mendapat sambutan menggalakkan.

RPBIC mula dianjurkan pada 2004 dan diiktiraf sebagai antara sirkuit bagi siri kelayakan menyertai pusingan akhir IGFA Offshore World Championship di Carbo San Lucas, Mexico, pada Mei setiap tahun.

RPBIC 2010 dianjurkan oleh Unit Joran Berita Harian dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang melalui Perbadanan Pembangunan Tioman (TDA) selain Tourism Pahang.

Pertandingan kali ini menyaksikan 150 peserta daripada 16 negara antaranya Singapura, Amerika Syarikat, Afrika Selatan, Hong Kong, Jepun, Malaysia, United Kingdom, Thailand, Indonesia, Filipina, Perancis, Jepun, Australia dan New Zealand.

Acara tahun ke-7 ini mendapat sokongan padu daripada PNB Commercial Sdn Bhd selaku penaja utama. Syarikat lain yang tampil menaja ialah The Season Tackles (TST) Sdn Bhd yang menampilkan produk Xzoga dan Lemax selain Universal Fitness & Leisure Sdn Bhd (UFL-Coleman), Outworld, AZ Marine, Columbia, Superbest serta Serai Di Lanjut selaku tempat penginapan rasmi pertandingan.

Acara tahun ini mengekalkan tawaran habuan berjumlah RM47,800 membabitkan Kategori Berpasukan dan Kategori Individu dengan setiap bot membabitkan tiga peserta. Juara Kategori Berpasukan menggondol RM15,000, kedua RM6,000 dan ketiga RM3,300. Empat sagu hati masing-masing RM900. Sejumlah RM10,000 bakal milik juara Kategori Individu diikuti kedua RM5,000, ketiga RM2,500 dan empat sagu hati dengan RM600.

Pada masa sama, pertandingan memancing Kategori Pantai sempena RPBIC 2009 akan diadakan di muara Kuala Rompin pada 7 Ogos (Sabtu) jam 9 pagi hingga 12 tengah hari dengan tawaran hadiah RM10,000. Yuran RM30 satu joran.

